

# Tekad laksana amanah memakmurkan negara'

BH - 11/1/2020 ml: 5

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri mengajak rakyat untuk bersama-sama kerajaan memajukan negara dengan memajukan diri mereka sendiri.

Dalam perutusan sempena Tahun Baharu 2020, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Malaysia tidak dapat menjadi negara maju sepenuhnya seperti disasarkan menerusi Wawasan 2020, ada beberapa perisian negara maju yang boleh dilakukan.

"Nilai seperti rajin, berdisiplin, menjaga kebersihan, bersifat tola-ansur, hormat-menghormati, berbudi bahasa dan berjiwa besar adalah ciri-ciri yang membeza kita daripada mereka yang tidak maju dan mundur."

"Sifat mulia ini mewakili semua budaya, agama dan bangsa dan kepelbagaian Malaysia seharusnya membuat kita lebih peka kepada nilai tersebut. Ayuh kita raikan persamaan dan pinggirkan perbezaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan rakyat perlu terus merintis usaha dan tidak meletakkan kebergantungan kepada takdir untuk merencana kemajuan diri.

Beliau berjanji kerajaan akan terus memperkenalkan dasar memastikan rakyat dapat terus meraih hasil kemajuan negara, sekali gus melonjak taraf sosioekonomi mereka.

"Kenapakah kita sering bercakap mengenai usaha untuk memaju dan memakmur negara? Ini kerana ia adalah amanah yang diserahkan kepada kita apabila kita menerima tanggungjawab menjadi kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh bersikap berserah kepada keadaan semasa



**Kerajaan akan terus membantu rakyat untuk berhadapan dengan cabaran baharu ini menerusi program yang disediakan dan akan diperkenalkan. Justeru, rakyat diharapkan supaya mengambil peluang bersama memajukan diri mereka. Apabila mereka berjaya, kerajaan dan negara turut menumpang kejayaan berkenaan.**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

tanpa memikirkan strategi dan perencanaan yang difikir sesuai untuk memaju dan memakmur negara," katanya.

Tatkala segelintir rakyat masih terperangkap dengan polemik politik yang disifatkan tidak memajukan diri, Dr Mahathir berpesan bahawa keadaan persekitaran di luar ketika ini bakal memberi tamparan perjalanan getir.

Kegawatan akibat perang dagang antara kuasa besar dan ledakan kemajuan teknologi dikenal pasti antara faktor yang akan melakar hala tuju dunia serta negara, sekali gus menuntut usaha merintis kemajuan diri sendiri dalam menangani perubahan berkenaan.

"Kita lihat bagaimana kemajuan teknologi digital mengubah cara perniagaan dan perkhidmatan. Mereka yang memahami perubahan ini mencari peluang kerja dan pendapatan, manakala yang tidak berubah hilang punca kehidupan.

"Kerajaan akan terus membantu rakyat untuk berhadapan dengan cabaran baharu ini menerusi program yang disediakan dan akan diperkenalkan. Justeru, rakyat diharapkan supaya mengambil peluang bersama memajukan diri mereka.

"Apabila mereka berjaya, kerajaan dan negara turut menumpang kejayaan berkenaan," katanya.

Mengimbu kejayaan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata, Malaysia sebenarnya memperlihatkan kepada dunia betapa kita berjaya hidup aman damai di tengah kepelbagaian kita.

Perdana Menteri juga berkata, walaupun negara mempunyai beberapa peruntukan untuk kaum

Bumiputera, ianya untuk memastikan kelangsungan mereka dan bukan bersifat menidakkan dan mengambil hak rakyat yang lain.

"Tidak pernah terlintas di pemikiran kita untuk memperkenalkan undang-undang mengasing rakyat atau pendatang berasaskan agama atau bangsa," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, dalam perutusan sempena Tahun Baharu, berkata kerajaan akan meneruskan usaha menjayakan pembentukan Malaysia Baharu pada 2020.

Mengakui 2019 adalah tahun penuh cabaran bagi Kerajaan Pakatan Harapan, Dr Wan Azizah mahu semua pihak meneruskan pelbagai usaha positif bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Untuk tahun 2020, marilah kita menumpukan kepada usaha yang positif kepada rakyat," katanya.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, pula berkata rakyat harus berani memasuki dekad baharu yang membawa cabaran pelbagai dimensi dengan menganjukkan pemikiran lama kepada yang baharu.

"Dekad baharu ini juga akan menyaksikan ekonomi Asia seperti China, India, ASEAN, Jepun dan Korea mengambil alih ekonomi dunia dari Amerika Syarikat dan Eropah.

"Untuk menghadapi cabaran dibawa oleh perubahan raksasa ini kita perlu beranjak dari fikiran lama yang berkiblat kepada Amerika Syarikat dan Eropah. Kita memerlukan imaginasi baharu," katanya.